



DATUK ONG CHIN BOO., JP. AMN.

Mendiang Datuk Ong Chin Boo, JP., AMN., berketurunan suku Hokkian yang telah berhijrah ke Malaya lebih kurang semasa berumur 20 tahun. Pada mulanya beliau menjalankan perniagaan sendiri dan telah mendapat kejayaan yang membanggakan. Selepas beberapa tahun kemudian beliau telah berpindah ke Tampin dan menubuhkan Southern Omnibus Company Ltd dan Sum Hoe & Company di sini. Beliau adalah pengerusi kepada syarikat-syarikat tersebut. Kejayaan beliau dalam perniagaannya sama ada di Tampin atau di tempat lain adalah amat menggalakkan.

Datuk Ong Chin Boo adalah seorang yang berpengalaman dan disanjung orang. Khidmat beliau dalam bidang tersebut memang dikenang oleh mereka yang mempunyai hubungan dengannya. Beliau juga mendirikan Sekolah RJK(C) Chung Hua (dikenali sebagai Chung Hua Primary Chinese School Tampin) bersama dengan En. Ong Chin Chong, En. Ho Kim Ming, En. Chia Siau Hee dan lain-lain. Beliau menjadi pengerusi kepada sekolah tersebut lebih dari 20 tahun. Sekolah tersebut tidak akan menjadi terkenal seperti hari ini tanpa beliau.

Di samping itu beliau juga banyak memberi sumbangan kepada badan kebajikan dan bidang pendidikan. Beliau dianugerahkan pingat Dato' Setia Dermawan dan J.P. oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong. Ini menandakan kejayaan dan bakti sumbangan beliau kepada masyarakat.

Beliau meninggal dunia pada 22hb. Julai, 1976 semasa berumur 69 tahun. Upacara perkebumian diadakan secara penuh hormat dan orang ramai yang hadir turut memberi penghormatan yang terakhir. Anak beliau Datuk Dr. Ong Sing Sean, JP., PJK. mewarisi segala karier mendiang bapanya. Dia juga menjadi seorang peniaga yang berjaya dan dikenali orang.

Mendiang Datuk Ong Chin Boo mempunyai seorang adik En. Ong Hong Boo, JP. yang juga menceburkan diri dalam bidang kebajikan, sukan dan bidang pendidikan. Beliau menderma sejumlah wang yang besar dan mengelolakan permintaan orang ramai untuk mendirikan bangunan tiga tingkat untuk Sekolah RJK(C) Chung Hua Tampin. Dewan sekolah tersebut dinamakan "Dewan Dato' Ong Chin Boo" untuk memperingati jasa abang beliau. En. Ong Hong Boo, JP. yang meninggal dunia pada 15hb. Oktober, 1984.

Y.B. MENDIANG AYAKANNU, PJK.

Encik Ayakannu Thevar telah dilahirkan di Tamil Nadu, India pada 26.10.1914. Bapanya Encik Vallusamy Thevar berasal dari Tanjore Jilla, Paravak Kotdai dan ibunya Puan Nagammal berasal dari Nadian Road, Mannarkudi Talukla, Tamil Nadu, India.

Pada tahun 1932 semasa berumur 18 tahun, selepas kematian ayahnya, beliau berhijrah dari India ke Singapura, dengan tujuan mengumpul harta. Beliau menetap di CHANGGI.

Pada tahun 1934 beliau bekerja sebagai tukang kayu di Keluang. Semasa berumur 20 tahun berkahwin dengan Cik CHELLAMMAH. Mereka mendapat dua orang anak, kedua-duanya perempuan. Anak sulungnya bernama SAROJA, PJK, dan keduanya bernama RUKUMANI, PJK.

Pada tahun 1941 iaitu semasa pengeboman Jempun di Malaya, beliau berhijrah ke SENTUL PASAR seorang diri. Selepas 6 bulan barulah beliau memanggil isteri dan anaknya untuk tinggal bersama. Selepas itu beliau bekerja di sebuah gudang Jepun dipanggil RF bertempat di Batu 5 Batu Cave. Lima tahun kemudian iaitu pada tahun 1946 beliau bekerja sebagai tukang simen di Estate KEROTINA Labu Negeri Sembilan. Empat tahun kemudian pada tahun 1951 beliau bekerja di JKR Port Dickson. Sumbangan beliau terhadap masyarakat telah bermula selepas beliau dipilih sebagai Pengerusi Kesatuan Pekerja-pekerja Estate di Estate Kerotina.

Pada tahun 1952 beliau berpindah pula ke JKR Tampin, terus bekerja sebagai tukang simen. Tahun 1953 beliau dipilih pula sebagai Pengerusi Kesatuan JKR dan menjadi ahli MIC Tampin, seterusnya menjadi Pengerusi MIC Tampin pada tahun 1960. Dari sini bermulanya keaktifan beliau dalam bidang politik. Pada tahun 1962 atas cadangan Perdana Menteri Malaysia iaitu Y.A.B. Tunku Abdul Rahman, beliau menyumbangkan perkhidmatan yang tidak terhingga kepada Parti Perikatan semasa pilihan raya kecil Gemas. Beliau memainkan peranan penting dalam usaha menentang Parti Sosialis dan mendapat kejayaan untuk Parti Perikatan. Tidak dapat dinafikan kempen beliau yang begitu berkesan dalam memperolehi sokongan kaum India sepenuhnya. Lantaran sumbangan ini beliau bukan sahaja memperolehi Sijil Penghargaan dari Y.A.B. Tunku Abdul Rahman tetapi juga Pingat Jasa Kebaktian dari Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Pemergian beliau ke Pakistan sebagai wakil Malaysia adalah sesuatu yang dibanggakan. Semasa pilihan raya tahun 1964 beliau telah mewakili MIC Negeri Sembilan. Beliau menjadi calon Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Rantau bagi Parti Perikatan.

Kemenangan dalam pilihan raya itu telah meninggikan lagi kedudukan beliau. Kerajaan Negeri Sembilan telah memilih beliau sebagai wakil kaum India.

Selepas lima tahun bekhidmat sebagai Wakil Rakyat pada tahun 1969 beliau terlibat dengan perniagaan sendiri dan menetap di Tampin. Pada 14.10.1983 iaitu semasa berusia 70 tahun beliau telah meninggal dunia.

A. KRISHNAN, AMN., PJK.
Tampin, N.S.

IBU PEJABAT PERIKATAN
KUALA LUMPUR

Tel 5544



Bangunan UMNO
Pers. Road,
Kuala Lumpur

141 March 1962

Yang terhormat,

Enche N. L. Aykanu.

1, Malay Bazar, Tampin

Tuan Puan

SAYA mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ^{Anda} atas perkhidmatan dan pertolongan ^{Anda} yang tidak terpuisi terhadap Parti Perikatan. Tenaga dan usaha yang ^{Anda} berikan dalam ^{menjalankan} Pilihan Raya Ke-11, Temas ^{adalah} sangat dihargakan.

Kemenangan dan Kejayaan Perikatan yang gahang pemilang dalam Pilihan Raya yang lepas ini adalah terutamanya kepada kerja dan pengorbanan yang ^{Anda} telah berikan itu. Saya sebagai Ketua Perikatan tidak akan lupa segala pengorbanan yang diberikan kepada Parti kita itu.

MERDEKA!

(Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj)